

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	26 APRIL 2017

# Dana RM80 juta perkukuh sekolah pondok, tahfiz, SMAR

BH - 26/4/2017

➔ PM arah Dasar Pendidikan Tahfiz Negara diselaraskan, gubal garis panduan

Oleh **Zanariah Abd Mutalib**  
zanariah\_mutalib@bh.com.my

► **Putrajaya**

**D**atuk Seri Najib Razak semalam menyerahkan peruntukan RM80 juta kepada sekolah pondok berdaftar, Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) dan institusi tahfiz bagi memperkasa dan memperkukuh institusi pendidikan agama.

Agihan di bawah Tabung Khas Penambahbaikan dan Penyelenggaraan Sekolah seperti diumumkan dalam Bajet 2017, termasuk RM30 juta bagi menyelaras dan membangunkan pendidikan tahfiz melalui Dasar Pendidikan Tah-

fiz Negara (DPTN), kali pertama peruntukan seumpamanya dibekirkan kerajaan.

Peruntukan disampaikan Perdana Menteri pada majlis yang turut dihadiri Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom dan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Tan Sri Othman Mustapha di Seri Perdana, di sini semalam.

Daripada jumlah itu, RM20.9 juta diagihkan kepada 133 institusi di Kelantan, 104 di Kedah (RM13.3 juta), 206 di Selangor (RM9.2 juta), 76 di Perak (RM7.2 juta), 104 di Johor (RM6.3 juta), 57 di Pahang (RM4.9 juta) dan 40 di Pulau Pinang (RM4.2 juta).

Selain itu, 25 institusi di Negeri Sembilan (RM3.6 juta), 14 di Terengganu (RM2.7 juta), 16 di Wilayah Persekutuan (RM1.4 juta), 14 di Melaka (RM1.2 juta), 17 di Sarawak (RM853,460), 11 di Perlis (RM730,400) dan dua di Sabah (RM39,540).

## Lahirkan insan cemerlang

Ketika berucap pada majlis itu, Perdana Menteri berkata, menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menentukan bahawa pendidikan tahfiz bukan hanya pilihan ibu bapa, tetapi juga pilihan untuk melahirkan insan cemerlang.

“Disebabkan itu, saya mengambil keputusan meluluskan peruntukan berkenaan dan mengarahkan DPTN digubal. Kita tentukan

garis panduannya supaya pembangunan pendidikan tahfiz lebih tersusun lagi sistematik, seterusnya diperkasakan lagi,” katanya.

Najib turut meminta sekolah tahfiz yang belum mendaftar supaya segera berbuat demikian supaya mereka juga mendapat bantuan kerajaan termasuk insentif RM10,000 sebaik institusi didaftarkan.

“Ketiga-tiga institusi ini begitu besar peranannya terutama dalam melahirkan ulama. Saya minta ilmu wahyu serta sains ini digabungkan (dalam pendidikan institusi) supaya umat Islam cemerlang, jadi kekuatan kita untuk bina peradaban yang berjaya berlandaskan ilmu,” katanya.